

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PANGKALAN DATA KOMERSIL (JKPDK) (3/2009)

TARIKH : **3 DISEMBER 2009 (KHAMIS)**
MASA : **9.00 PG – 12.30 TENGAHARI**
TEMPAT : **BILIK MESYUARAT UTAMA, RUMAH UNIVERSITI,
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**

Hadir:

HAJJAH NOORAINI ISMAIL	(UIAM)	-	Pengerusi JKPDK
KORINA IBRAHIM	(UNIMAS)	-	N. Pengerusi JKPDK
NOORHASHIMAH ARIS	(UIAM)	-	Setiausaha I
KHAIRULBAHIYAH YAAKUB	(UTM)	-	Setiausaha II
SITI SUMAIZAN RAMLI	(UNIMAS)		
SHAMSUDIN IBRAHIM	(UKM)		
ROSNAH YUSOF	(UKM)		
NAZATUL SHIMA BAROJI	(UMP)		
WAN ROSNIDA WAN MOHAMAD	(UMT)		
MAZMIN MAT	(UNIMAP)		
SALMAH ABDULLAH	(UPM)		
HUSRIATI HUSSAIN (Reference)	(USM)		
SUKMAWATI MUHAMAD	(USM)		
ROHAYAH MALIKI	(MARDI)		
RASIDA HJ ABU BAKAR	(UTeM)		
HARISOM ANIDA MUSA	(UMT)		
YAFIZA ABDUL HALIM	(UPNM)		
WAN KARTINI WAN SULAIMAN	(UPSI)		
NORAKMAL ABD KARIM	(UNIMAP)		
HASDARINAR ABDUL JALAL	(UNIMAP)		
NOORMALA MAAROF	(UiTM)		
HANI LIZA HJ NORFIN	(UiTM)		
NORBAYA MUDA	(UIAM)		
SUTARMI KASIMUN	(UM)		
AZLINDA ABD RAHIM	(OUM)		
ULYA	(UM)		
WAN SUHAIMI ARIFFIN	(PPUKM)		
MUZAFFAR SHAH KASSIM	(UPM)		
MOHD SABRI MUDA	(UDM)		
MOHD KHAIRUL NASER IBRAHIM	(UiTM)		
MD SAZALI MD SALLEH	(UMS)		
VALENTINO ABU BAKAR	(UNIMAS)		

Kata-kata Aluan Pengerusi

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli JKPDK ke Mesyuarat Bil 3/ 2009 serta Bengkel Pangkalan Data Komersil 2009 di UNIMAS.

AGENDA

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat JKPDK Bil. 2/2009

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat dengan beberapa perkara berbangkit iaitu :-

4. Oxford Islamic Studies Online (OISO) -- Langganan secara konsortium tidak dapat dilaksanakan memandangkan majoriti IPTA tidak berminat.

5.1 50 Lessons -- Langganan secara konsortium tidak dapat dilaksanakan memandangkan majoriti IPTA menghadapi masalah akses sewaktu tempoh percubaan berlangsung.

5.3 Surat Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

5.3.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Pengerusi bahawa pada mesyuarat PERPUN, perbincangan telah diadakan. Kementerian Kewangan telah memaklumkan bahawa satu pekeliling baru akan dikeluarkan dalam masa terdekat bagi menggantikan pekeliling sedia ada.

5.3.2 Mesyuarat bersetuju bahawa perolehan melalui tender terbuka telah memberi impak kepada langganan serta pengurusan bujet tahunan sesetengah IPTA. Beberapa IPTA seperti UIA, UTM dan UNIMAS mengutamakan prestasi pembekal sebagai garis panduan pemilihan pembekal dalam proses perolehan jurnal. Puan Korina memaklumkan bahawa UNIMAS telah mengadakan perjumpaan dengan semua pembekal mengenai prestasi tahunan mereka agar proses pembaharuan langganan dapat dilakukan dengan lebih telus. Pengerusi memaklumkan bahawa sekiranya tindakan Kementerian Kewangan memberikan kelonggaran untuk IPTA berurus terus dengan Amazon pada tahun depan, pembekal tempatan akan lebih terjejas. Oleh yang demikian tindakan yang sewajarnya perlu diambil :-

- Garis panduan perolehan bahan bercetak (buku & jurnal) yang sedang dalam proses penyediaan perlu disegerakan.
- Kerjasama JKPDK dengan 'SIG Group' – Perolehan Buku yang baru ditubuhkan.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa satu sirkular hasil pertemuan Naib Canselor IPTA telah dikeluarkan dengan arahan supaya amalan pergi ke luar negara melalui tajaan pembekal dihentikan serta merta.

Tindakan: MAKLUMAN/Pengerusi

2. Penetapan Judul Langganan PDK – MOHE, 2010

2.1 Pn Korina membangkitkan tentang senarai pendek judul pangkalan data untuk langganan PDK-MOHE 2010 yang sama ada telah diputuskan atau belum. Sebelum ini, 6 judul telah disenaraikan namun tiada keputusan muktamad judul mana yang disenarai pendek.

2.2 Berdasarkan kenyataan En Nordin, Pengerusi memaklumkan bahawa peruntukan pembelian langganan PDK tiada. Tetapi hasil perbincangan antara Dr Ramli, Pn Noraini &

En Amir, KPT telah semak semula kertas cadangan dan bersetuju memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi langganan PDK. Untuk itu, hanya 4 pangkalan data sahaja yang disenarai pendek bagi mencukupkan jumlah peruntukan RM10 juta iaitu Scopus, Proquest Digital Dissertation, EbscoHost dan Net Library. Senarai pendek ini juga telah dibawa ke pengetahuan mesyuarat PERPUN dan telah dipersetujui oleh KPT. Langganan adalah untuk jangkamasa 3 tahun. Pengerusi juga memaklumkan bahawa langganan PDK 2012 masih belum dipastikan lagi. Senarai pendek dibuat berdasarkan perkara berikut :-

- BLISS dikeluarkan kerana kenaikan harga 3 kali ganda. IPTA yang berminat boleh buat rundingan harga dan langgan secara individu.
- IEEE dikeluarkan kerana harganya yang tinggi iaitu hampir mencecah RM5.8 juta. Selain itu, pembekal meletakkan harga langganan yang lebih rendah bagi langganan secara individu. Mesyuarat bersetuju untuk melanggan IEEE secara konsortium tetapi tidak menggunakan peruntukan KPT.
- Proquest dikekalkan kerana kandungan e-tesis yang mantap dan digunakan oleh semua IPTA.
- Ebsco dikekalkan kerana tiada kenaikan harga
- Scopus dimasukkan kerana semua IPTA memerlukannya.
- NetLibrary dipilih kerana KPT melihatnya sebagai koleksi penting dan dibeli secara one time purchase.

2.3 Pn Mazmin, UNIMAP menyatakan pandangan beliau tentang NetLibrary yang hanya memberikan akses terhad kepada 3 concurrent users. Beliau mencadangkan adalah lebih praktikal sekiranya keutamaan diberi kepada e-books yang memberikan akses tanpa had. Selain itu, pembelian backfiles e-journals (subject collection) juga boleh dipertimbangkan. Pn Korina, UNIMAS pula berpendapat bahawa keutamaan langganan patut diberi kepada langganan pangkalan data e-jurnal dan bukan e-books sebagaimana yang dipraktiskan oleh JKPDK sebelum ini. Selain itu, pembelian e-book boleh dikendalikan di bawah kumpulan SIG-Perolehan Buku. En Muzaffar, UPM juga bersetuju dengan pendapat tersebut dengan menegaskan peruntukan yang diperolehi patut diberi keutamaan kepada perolehan pangkalan data e-jurnal. Juga disentuh tentang kredibiliti pangkalan data NetLibrary dari segi akses, jumlah judul dan tempoh percubaan. Walau bagaimanapun Pengerusi memaklumkan bahawa senarai pendek langganan telah dipersetujui oleh KPT dan tidak boleh diubah. NetLibrary tetap dimasukkan kerana KPT mempunyai perancangan untuk mewujudkan perkongsian rangkaian akses e-books kepada semua kolej komuniti .

2.4 Puan Mazmin, UNIMAP berpendapat pemilihan judul NetLibrary perlu melibatkan semua IPTA agar memenuhi keperluan bidang pengajaran dan pembelajaran sesebuah institusi. Beliau juga menyatakan tentang lawatan Menteri Pengajian Tinggi ke UNIMAP di mana Menteri mempersoalkan bagaimana beliau tidak dimaklumkan tentang akses kepada pangkalan data yang dibiayai oleh KPT sendiri. Pengerusi akan meminta pustakawan di KPT untuk mempromosi penggunaan pangkalan data berkenaan kepada warga KPT.

Tindakan: MAKLUMAN/Pengerusi

3. Penyelarasan Pengumpulan Data ‘Usage Report’

3.1 Isu ini diutarakan oleh Pn Rosnah, UKM tentang mewujudkan kaedah standard dalam pengumpulan data statistik pangkalan data. Buat masa ini standard yang digunakan adalah berlainan bagi setiap institusi dan mengelirukan. En Shamsuddin, UKM mencadangkan beberapa perkara :-

- Lantik sebuah IPTA sebagai penyelaras untuk kumpul dan analisa sebuah pangkalan data secara terperinci. Contoh, adakah ianya ‘counter compliance’, penjelasan mengenai ‘session’, search, download - html/pdf.
- Ambil kira jumlah FTE sesebuah institusi atau jumlah sebenar pengguna
- Penglibatan kumpulan SIG
- Analisa kos – perbezaan ‘search’ & ‘session’.

3.2 Mesyuarat juga diminta melihat kepada pengumpulan statistik penggunaan pangkalan data yang dilanggan oleh KPT. Mungkin boleh tentukan institusi tertentu yang bertanggungjawab menyelia serta menganalisa statistik berkenaan. Pengerusi memaklumkan bahawa mengikut perbincangan sebelum ini, statistic penggunaan akan dihantar terus kepada KPT oleh vendor 2 bulan sekali.

3.3 Pn Korina mencadangkan mungkin En Shamsudin, UKM boleh berkongsi format standard untuk pengumpulan data statistik yang boleh digunakan oleh semua IPTA memandangkan ianya adalah projek KIK yang sedang dijalankan oleh UKM.

3.3 Mesyuarat juga membincangkan tentang penggunaan perisian/produk yang boleh membantu institusi menjana statistik penggunaan pangkalan data dengan lebih mudah. En Muzaffar, UPM mencadangkan JKPDK untuk melihat produk Selection Support dari Swets manakala Pn Mazmin, UNIMAP mencadangkan 360 Counter dari Serial Solution. Pengerusi mencadangkan agar satu sesi demo diatur bagi kedua-dua produk tersebut untuk dinilai keberkesanannya.

Tindakan: MAKLUMAN/UKM

4. Pemilihan Pembekal Untuk “Product Demo”

4.1 Pn Noorhasimah, UIA meminta semua institusi mencadangkan vendor dan produk/pangkalan data baru untuk sesi ‘product demo’ akan datang. Usaha ini diharap dapat membuka peluang kepada vendor baru untuk memperkenalkan produk/pangkalan data terkini.

Tindakan: MAKLUMAN

5. Lesen Perjanjian IOP

5.1 Pn Sukmawati, USM memaklumkan bahawa terdapat perubahan dalam lesen perjanjian IOP di mana pada tahun 2008, IOP memberikan hak akses kekal dan arkib tetapi pada tahun 2009 ia dikeluarkan dari perjanjian. Pengerusi meminta semua institusi menyemak isu tersebut dengan Access Dunia untuk kepastian.

Tindakan: MAKLUMAN/INSTITUSI

6. Bengkel “Usage Report” 2009

- 6.1 Pn Korina memaklumkan tentatif program kepada semua. Semua pembentang diminta menyerahkan dokumen/fail pembentangan kepada pihak urusetia agar bengkel dengan lancar.

Tindakan: MAKLUMAN

7. Tuntutan Bayaran Langganan PDK – MOHE, 2009 dari Pembekal

- 7.1 Pn Norhashimah memaklumkan bahawa setiap institusi perlu berurusan terus dengan pembekal berkenaan bagi tuntutan tersebut. Pn Korina, UNIMAS memaklumkan bahawa Ebsco telah mengurangkan akses dalam himpunan pangkalan data tambahannya sejak ianya dilanggan di bawah KPT. Pihak Ebsco juga meminta institusi melanggan kepada judul tersebut secara individu sekiranya berminat. Pengurus mencadangkan agar semakan dibuat dengan pihak vendor.

Tindakan: MAKLUMAN/INSTITUSI

8. Hal-hal lain

- 8.1 Puan Nazatul Shima, UMP memaklumkan bahawa data MyUlis akan diserahkan diserahkan di bawah tanggungjawab UPM memandangkan server PERPUN akan ditempatkan di sana. UPM maklum akan perpindahan itu.

Tindakan: MAKLUMAN/UPM

- 8.2 En Muzaffar, UPM mencadangkan agar Bengkel ‘Usage Report’ tahun depan diadakan lebih awal dan tidak pada hujung tahun memandangkan institusi akan sibuk dengan pembaharuan langganan pada setiap hujung tahun. En Shamsudin, UKM mencadangkan agar ini turut disertai oleh pustakawan lain dan tidak terhad kepada pustakawan serial sahaja. Pengurus memaklumkan ia boleh dilaksanakan dengan persetujuan Ketua Pustakawan setiap institusi.

Tindakan: MAKLUMAN

- 8.2 Puan Noorhashimah, UIA mencadangkan agar mesyuarat JKPDK diadakan 3 kali setahun. Mesyuarat bersetuju menetapkan bahawa mesyuarat akan diadakan pada :-

- Mac 2010 (Cadangan tempat mesyuarat adalah UTM)
- Jun 2010 (Cadangan tempat mesyuarat / bengkel adalah UMT)
- Oktober 2010 (Cadangan tempat mesyuarat adalah UIA)

Tindakan: MAKLUMAN/INSTITUSI

9. Penangguhan Mesyuarat

Pengerusi menutup mesyuarat dengan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir, dan ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

Disediakan oleh :

Khairulbahiyah Yaakub

Pustakawan

Universiti Teknologi Malaysia